

# Larian Obor mulakan Sukan Kakitangan UMS

UB 4.7.2019 A12

KOTA KINABALU: Sukan Kakitangan Universiti Malaysia Sabah (SUKUMS) 2019 dimulai dengan Larian Obor di perkarangan Bangunan Canselori pada Rabu.

Pendaftar, Vina Zahriani Yusof berkata, larian itu menandakan bermulanya SUKUMS yang pertandingannya secara formal akan berlangsung pada 11-12 Julai.

Katanya, Larian Obor itu hanya untuk menyeramakkan

semangat agar SUKUMS ini disedari kakitangan UMS dengan lebih berkesan.

Vina berkata, SUKUMS adalah salah satu usaha untuk menyokong kesihatan kakitangan dengan menggalakkan mereka mengamalkan gaya hidup sihat terutamanya menerusi bersukan.

"Kita tidak mahu kakitangan kita terlalu berada di dalam pejabat sahaja sehingga mereka ini tidak dapat keluar untuk bersenam.

Larian Obor ini lebih kepada untuk keseronokan mereka dan pada masa yang sama juga untuk menjaga kesihatan.

"Kebetulan pula hari ini (Rabu) adalah hari kita umumkan sebagai Jom Sihat. Setiap jam 4.30 petang Rabu kita lepaskan semua kakitangan untuk beriadah dan bukan lagi berada di dalam pejabat," kata Vina ketika ditemui selepas melepaskan peserta larian. -Oleh **VITALIS G BINGKASAN**



**KUMPULAN** pertama Larian Obor sempena SUKUMS dilepaskan di perkarangan bangunan Canselori pada Rabu.